

29/09/2001

Bantuan kebajikan naik sekali ganda

Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Seramai 110,980 penerima pelbagai skim kebajikan yang dikendalikan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, akan menikmati pertambahan berganda kadar bantuan itu, bulan depan.

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata penerima terbabit meliputi anak yatim, orang tua, pekerja cacat serta murid sekolah rendah dan menengah dari keluarga miskin.

"Kita yakin pembayaran itu dapat dibuat bulan depan atau selewat-lewatnya sebelum bulan puasa. Saya juga akan memastikan semua kumpulan sasar mendapatnya.

"Kita mahu setiap wang yang diperuntukkan, diagihkan secara berkesan dan teratur," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas peruntukan tambahan RM80 juta setahun yang diterima kementerian itu bagi penggandaan kadar bantuan kebajikan.

Peruntukan tambahan itu diagihkan menerusi pakej rangsangan baru sejumlah RM4.3 bilion yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Selasa lalu, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara berikutan keadaan tidak menentu ekonomi dunia akibat perkembangan di Amerika Syarikat.

Siti Zaharah menyifatkan pakej itu sebagai bonus kepada kira-kira 21,204 penerima bantuan Persekutuan dan 89,776 lagi pada peringkat negeri.

Menerusi kadar penggandaan bantuan itu, bayaran bulanan untuk orang tua sebanyak RM100, dinaikkan RM200, anak pelihara dan anak melebihi empat orang dinaikkan daripada RM250 kepada RM500 sebulan, bantuan am untuk Wilayah Persekutuan daripada RM60 kepada RM120 sebulan.

Pekerja cacat yang sebelum ini menerima RM100 sebulan, kini mendapat RM200 manakala bantuan pakaian murid sekolah rendah dinaikkan daripada RM90 setahun kepada RM180 manakala bagi sekolah menengah RM110 kepada RM220.

Beliau berkata, kenaikan bantuan itu membuktikan kerajaan peka serta mengambil berat terhadap masalah serta keperluan golongan yang terpinggir.

Beliau berkata, sebelum ini kementerian menerima peruntukan RM28 juta dan pertambahan peruntukan itu membolehkan pihaknya meningkatkan pembangunan sosial di seluruh negara.

Terdahulu, dalam sidang akhbar itu Dr Siti Zaharah mengumumkan bahawa Sambutan Hari Warga Tua akan diadakan di Hotel Mandarin Oriental pada 1 Oktober ini.

Seramai 1,200 warga tua serta wakil pertubuhan sukarela, agensi kerajaan dan sektor swasta akan menyertai sambutan itu.

Katanya, program tahunan itu yang disambut sejak 10 tahun lalu, bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya kesejahteraan dan kebahagiaan warga tua.

Beliau juga berkata, kementerian akan menubuhkan 19 Pusat Jagaan Harian Warga Tua di seluruh negara tidak lama lagi membabitkan perbelanjaan sebanyak RM8 juta.

(END)